

TAHAP PEMBACAAN MAHASISWA/I KUIS SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Zurina binti Abdullah¹
zurinaabdullah@kuis.edu.my

Marziana binti Abdul Majid²
marziana@kuis.edu.my

Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Fakulti Sains Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui tahap pembacaan mahasiswa/i Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah bermula sejak 18 Mac 2020. Tempoh masa yang diambil melibatkan PKP Fasa 1 hingga Fasa 3. Kajian yang bersifat kualitatif ini dilakukan menggunakan borang soal selidik. Seramai 54 orang responden telah menjawab soal selidik yang terdiri daripada pelbagai bidang pengajian. Responden yang terlibat merupakan para pelajar yang terkandas di KUIS disebabkan PKP dan ada antara mereka yang perlu menghadapi peperiksaan akhir secara dalam talian. Dapatan kajian ini menunjukkan para mahasiswa/i lebih kerap membaca dalam tempoh PKP kerana ingin mendapatkan maklumat terkini dan juga menghilangkan kebosanan. Bahan bacaan yang menjadi pilihan utama mereka adalah bersifat separa ilmiah dan pilihan utama mereka ialah media sosial seperti facebook, instagram dan twitter, alquran dan akhbar dalam talian. Selain itu, kajian ini turut meninjau permasalahan yang dihadapi oleh mahasiswa/i untuk membaca dalam tempoh PKP ini.

Kata kunci: tahap pembacaan, perintah kawalan pergerakan, mahasiswa/i KUIS, soal selidik.

1.0 PENDAHULUAN

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula diperkenalkan di Malaysia bermula 18 Mac 2020 secara berfasa bagi mengekang penularan wabak pandemik Covid-19 yang menunjukkan peningkatan. Perintah ini disandarkan pada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Terdapat enam arahan yang terkandung dalam PKP, iaitu i) larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya; ii) sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara; iii) sekatan kemasukan semua pelancong dan pesawat asing ke dalam negara; iv) penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti; v) penutupan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta serta Institut Latihan Kemahiran di seluruh negara; dan vi) penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (LamanWeb Rasmi Majlis Keselamatan Negara). Selaras dengan saranan kerajaan, KUIS turut mengambil

langkah untuk mengarahkan para mahasiswa/i untuk pulang ke rumah masing-masing. Namun, terdapat 170 orang pelajar yang terkandas disebabkan perjalanan yang jauh dan juga melibatkan zon merah di samping perlu menghadapi peperiksaan akhir secara dalam talian.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif dalam kajian ini, iaitu:

- 1) Mengetahui kadar kekerapan pembacaan para mahasiswa/i.
- 2) Mengetahui bahan bacaan yang menjadi pilihan mahasiswa/i.
- 3) Meninjau permasalahan yang dihadapi oleh mahasiswa/i untuk membaca dalam tempoh PKP.

3.0 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini melibatkan tiga fasa, iaitu fasa 1 (18 Mac 2020) hingga fasa 3 (28 April 2020). Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode soal selidik dan bersifat tinjauan dalam bentuk Google Form. Terdapat dua bahagian, iaitu Bahagian A: Latar belakang responden (jantina, umur, program pengajian, asal dan umur). Bahagian B: Tahap pembacaan mahasiswa/i.

3.1 Bahagian A: Latar Belakang Responden

Bagi bahagian pertama, pengkaji mendapatkan latar belakang responden bagi menganalisis maklumat peribadi responden, iaitu jantina, umur, bidang pengajian, semester dan asal. Jadual 1.1 menunjukkan analisis kekerapan responden mengikut jantina.

Jadual 3.1: Analisis kekerapan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Perempuan	34	63
Lelaki	20	37
Jumlah	54	100.0

Jadual 3.1 menunjukkan 34 orang responden adalah perempuan dengan nilai peratusan 63 peratus manakala 37 peratus lagi responden adalah lelaki dengan jumlah 20 orang. Dapatan analisis menunjukkan perempuan melebihi lelaki sebagai responden kajian ini.

Jadual 3.2: Analisis kekerapan responden mengikut umur

Umur	Kekerapan	Peratusan (%)
18-20 tahun	8	14.8
21-23 tahun	40	74.1
24-27 tahun	6	11.1
Jumlah	54	100

Jadual 3.2 menunjukkan sebahagian besar responden terdiri daripada mereka yang berumur antara 21 hingga 23 tahun, iaitu seramai 40 orang (74.1%) diikuti mereka yang berumur di antara 18 hingga 20 tahun, iaitu seramai 8 orang (14.8%) manakala responden yang berumur di antara 24 hingga 27 tahun, iaitu seramai 6 orang (11.1%). Kesemua responden adalah para mahasiswa/i daripada bidang pengajian yang berbeza dan melibatkan mahasiswa/i semester 1 hingga 8.

Jadual 3.3: Analisis kekerapan responden mengikut asal.

Asal	Kekerapan	Peratusan (%)
Selangor	5	9.3
Melaka	1	1.9
Johor	2	3.7
Perak	4	7.4
Kedah	6	11
Sabah	16	29.6
Sarawak	5	9.3
Terengganu	2	3.7
Kelantan	10	18.5
Pahang	3	5.6
Jumlah	54	100

Analisis kekerapan responden mengikut negeri berdasarkan Jadual 3.3 menunjukkan responden yang teramai adalah berasal dari negeri Sabah, iaitu seramai 16 responden (29.6%). Hal ini kerana kebanyakan mahasiswa/i KUIS dari negeri Borneo telah menempah tiket lebih awal dan rata-rata merancang untuk pulang selepas tamat menduduki peperiksaan akhir semester. Oleh yang demikian, jumlah pelajar dari Sabah mewakili responden yang paling ramai. Responden kedua teramai didapati berasal dari Kelantan, iaitu seramai 10 responden (18.5%) diikuti responden berasal dari negeri Kedah, iaitu 6 responden (11%), manakala Selangor dan Sarawak masing-masing seramai 5 responden (9.3%), dan selebihnya dari negeri-negeri lain di Semenanjung.

3.2 BAHAGIAN B: TAHAP PEMBACAAN RESPONDEN

Pada bahagian B soalan-soalan yang dikemukakan adalah untuk mengenal pasti tahap pembacaan responden yang meliputi kekerapan responden membaca, pemilihan bahan bacaan dan permasalahan yang dihadapi responden yang menyebabkan mereka tidak membaca.

Responden ditanya sama ada mereka meluangkan masa dengan membaca. Seramai 48 responden (88.9%) menjawab ya dan 6 responden (11.1%) menjawab tidak. Seterusnya, responden ditanya apakah pilihan medium bahan bacaan yang dipilih dan responden boleh memilih lebih daripada satu medium. Pilihan yang tertinggi ialah media sosial seperti facebook, instagram, twitter, iaitu seramai 50 orang (92.6%), kedua tertinggi memilih Al-quran, iaitu seramai 48 orang (88.9%), ketiga adalah akhbar dalam talian seramai 36 orang (66.7%), seterusnya buku, iaitu 24 orang (44.4%), majalah seramai 8 orang (14.8%), dan selebihnya medium-medium lain.

Seterusnya, responden ditanya berkenaan kategori bahan bacaan yang mereka pilih. Kategori bahan bacaan terbahagi kepada tiga, iaitu ilmiah, separa ilmiah dan bukan ilmiah atau popular. Responden boleh memilih lebih daripada satu pilihan. Hasil dapatan menunjukkan kategori separa ilmiah menjadi pilihan kebanyakan responden, iaitu seramai 48 orang, kedua kategori ilmiah seramai 36 orang dan bukan ilmiah atau popular seramai 32 orang. Sepanjang PKP ini didapati seramai 49 responden (90.7%) membaca topik berkaitan isu semasa diikuti isu agama dengan seramai 47 responden (87%), 37 responden (68.5%) memilih topik berkaitan hiburan, 30 responden (55.6%) memilih topik pendidikan, dan topik berkaitan politik dan bidang pengajian masing-masing sebanyak 27 responden (50%) dan 22 responden (40.7%).

Bagi mengetahui tahap kekerapan responden membaca dalam sehari, pengkaji turut bertanya kadar kekerapan responden membaca dalam sehari. Keputusan dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 3.4: Analisis kekerapan responden membaca dalam sehari

Umur	Kekerapan	Peratusan (%)
2 jam atau lebih	25	46.3
Kurang lebih 1 jam	18	33.3
Kurang lebih 30 minit	9	16.7
Kurang lebih 15 minit	2	3.7
Jumlah	54	100

Berdasarkan Jadual 3.4 hampir sebahagian responden, iaitu seramai 25 responden (46.3%) telah membaca selama 2 jam atau lebih dalam sehari. Seramai 18 responden (33.3%) didapati membaca kurang lebih 1 jam dalam sehari dan selebihnya kurang lebih 30 minit dan 15 minit. Sepanjang tempoh PKP, iaitu dalam tempoh fasa 1 hingga fasa 3 (enam minggu) para responden didapati telah membaca buku untuk meluangkan masa mereka. Bilangan buku yang dibaca sepanjang tempoh PKP dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 3.5: Bilangan buku yang dibaca sepanjang PKP.

Bilangan buku	Kekerapan	Peratusan (%)
0 (tidak membaca)	8	14.8
1 hingga 3	34	63
4 hingga 6	5	9.3
7 hingga 9	4	7.4
10 ke atas	3	5.6
Jumlah	54	100

Dapatan yang dipaparkan dalam Jadual 3.5 menunjukkan lebih sebahagian daripada jumlah responden telah membaca sebanyak 1 hingga 3 buah buku sepanjang enam minggu PKP di KUIS, iaitu seramai 34 responden (63%). Seramai 8 responden (14.8%) didapati tidak membaca walaupun satu buah buku. Keadaan ini membawa kepada persoalan tentang punca atau faktor yang menghalang seterusnya menjadi penyebab mereka tidak membaca buku. Namun begitu, didapati terdapat 3 responden (5.6%) yang telah membaca 10 buah buku. Keadaan ini boleh disebabkan responden berkenaan mempunyai banyak koleksi buku atau meminjam buku rakan-rakan.

Para responden didapati meluangkan masa dengan membaca disebabkan pelbagai tujuan. Berdasarkan dapatan soal selidik, tujuan utama mereka membaca adalah untuk mengurangkan tahap kebosanan, iaitu seramai 23 responden (42.6%), diikuti untuk mencari maklumat ilmiah seramai 14 responden (25.9%), membaca untuk tujuan santai seramai 9 responden (16.7%), mengurangkan kerinduan terhadap keluarga seramai 5 responden (9.3%) dan baki responden didapati tidak membaca. Seterusnya, responden telah ditanya sama ada dalam tempoh PKP berada di KUIS menyebabkan mereka lebih membaca atau tidak. Jawapan yang diberikan menunjukkan seramai 34 responden (63%) bersetuju manakala bakinya seramai 20 responden (37%) menjawab tidak.

Dapatan daripada jawapan ini membawa kepada persoalan seterusnya, iaitu untuk mengetahui faktor-faktor yang menghalang responden untuk membaca dalam tempoh PKP ini. Faktor tertinggi yang menjadi penghalang atau penyebab responden tidak membaca adalah kerana sifat tidak minat membaca dengan bilangan responden seramai 15 orang (27.8%). Faktor kedua tertinggi adalah kesibukan melakukan aktiviti lain, iaitu seramai 13 responden (24.1%), diikuti faktor capaian data internet yang perlahan seramai 10 responden (18.5%), kekurangan sumber bacaan yang berkualiti seramai 8 responden (14.8%), tiada kebenaran capaian ke pusat sumber atau perpustakaan seramai 5 responden (9.3%) dan bakinya menjawab faktor persekitaran yang tidak selesa seramai 3 responden (5.6%).

4.0 KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan tahap pembacaan mahasiswa/i KUIS dalam tempoh PKP berada dalam keadaan baik. Responden didapati cenderung untuk mengetahui isu semasa disamping mencari pengisian kerohanian dan menghiburkan diri sendiri. Keadaan ini dapat dilihat melalui jawapan responden terhadap pemilihan topik dan medium bahan bacaan. Kecenderungan untuk membaca juga berkaitan dengan emosi responden kerana sebahagian besar membaca untuk mengurangkan kebosanan dan juga santai. Namun, beberapa kekangan turut menjadi faktor yang menghalang responden daripada membaca.

5.0 RUJUKAN

www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19